

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2000/2001

April/Mei 2001

**HKN 307 : Kesusasteraan Nusantara I :
Aspek Teori dan Kriktikan**

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Setiap wacana hadir dalam satu situasi sejarah dan realiti sosial yang khas. Dengan merujuk kepada pernyataan tersebut, bandingkan wacana Barat tentang budaya Melayu yang lahir pada zaman kolonial dan pasca-kolonial.
2. Period moden di Tanah Melayu dikaitkan dengan kemunculan “Oriental Enlightenment” di kawasan-kawasan tanah jajahan. Huraikan fenomena tersebut dan perlihatkan kesannya ke atas pemikiran dan budaya peribumi.
3. Ciri keindividualan sering dipertanggungjawabkan sebagai faktor penting yang memecahkan budaya partiparotis dalam masyarakat Melayu tradisional yang memungkinkan munculnya sastera moden. Huraikan bagaimana mekanisme tulisan/percetakan, dan proses normalisasi menyumbanga kepada kemunculan keindividualan tersebut di kalangan pengarang Melayu.

4. Huraikan apa yang dimaksudkan dengan “graphi-reading” dan “epi-reading” oleh Donaghue. Bicarakan keberkesanan dan keterbatasan kaedah bacaan-bacaan tersebut ke atas teks-teks annal Melayu.
5. Pemikiran Barthes tentang “kematian pengarang” mempunyai banyak implikasi ke atas bacaan sastera. Huraikan dasar-dasar kepada kemunculan pandangan tersebut dan bincangkan implikasi-implikasinya.
6. Pemikiran modenisme yang memutlakkan kebebasan berkarya dan meletakkan pengalaman manusia sebagai yang tertinggi telah dicangguh oleh pendukung-pendukung teori sastera Islam terhadap seniman, bincangkan pernyataan di atas.
7. Sistem konvensi sastera menentukan kemungkinan pengenalan dan pemberian makna pada karya-karya sastera. Dengan merujuk kepada ciri-ciri khas sastera moden, bincangkan mengapa penguasaan konvensi saste